

Headline	Lagu, filem merdeka bukan trend		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	32,33	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,575
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,725



Lagu, filem merdeka bukan trend

Karya tentang kemerdekaan negara harus diperbanyakkan dan bukan sahaja disiarkan pada Hari Kemerdekaan sahaja

Oleh **ABD. AZIZ ITAR**

aziz.itar@utusan.com.my

FILEM-filem mahupun lagu-lagu yang menarik untuk dihayati walau dalam genre apa sekalipun termasuklah yang mengetengahkan tema patriotik dan kenegaraan sebenarnya boleh disiarkan pada bila-bila masa.

Sebab itu, sepatutnya tidak timbul isu mengatakan lagu-lagu dan filem-filem patriotik hanya sesuai untuk ditayangkan pada musim sambutan Hari Kemerdekaan yang diraikan sekitar Ogos dan September setiap tahun sahaja.

Menurut pengarah filem dan juga Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara), **Prof. Dr. Hatta Azad Khan**, penghasilan filem seumpama itu sepatutnya tidak menjadi trend sewaktu bulan kemerdekaan semata-mata.

Sebaliknya kata pengarah filem berjudul *Wayang* ini, perancangan jangka panjang juga harus dilakukan bagi menerbitkan lebih banyak filem patriotik dan kenegaraan yang meliputi topik dan skop yang lebih luas.

“Selama ini apabila kita bercakap tentang filem patriotik, kenegaraan atau tentang kemerdekaan kita hanya mengaitkannya dengan Tunku Abdul Rahman, penjajahan Jepun atau cerita-cerita sejarah negara sebelum merdeka.

“Banyak lagi isu lain yang boleh dikaitkan dengan sejarah dan patriotik yang boleh diketengahkan dalam filem dan relevan untuk ditayangkan pada bila-bila masa dan tidak semestinya pada masa Hari Kebangsaan sahaja.

“Apatah lagi, selama ini hanya Finas (Perbadanan Kemajuan Filem Nasional

Malaysia) sahaja yang memikul tanggungjawab itu sedangkan penerbit lain juga boleh turut serta dalam hal ini,” katanya kepada Hits baru-baru ini.

Jelas Prof. Hatta, bagi meningkatkan lagi mutu penerbitan filem-filem seumpama itu, perancangan yang lebih teliti harus dilakukan dengan mendapat sokongan daripada semua pihak dan bukannya Finas sahaja.

Tambahnya, cara itu mampu meningkatkan kualiti filem tersebut selain memperlihatkan kesungguhan

semua pihak bukan sahaja dalam menyediakan bahan tontonan penonton tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

“Setakat ini kita buat filem patriotik hanya untuk tontonan tempatan terutamanya golongan generasi muda. Sepatutnya, matlamat kena lebih jauh iaitu merangkumi penonton di luar negara kerana ia persepsi orang luar terhadap kita.

“Ini kerana, filem kita adalah wajah kita. Sebab itu, perancangan teliti yang membabitkan pakar sejarah, sosio dan budaya harus dibabitkan sama dengan para pembikin filem agar ia menjadi sebuah karya yang boleh dibanggakan

semua pihak.

“Contohnya, Korea pernah menghasilkan filem berjudul *My Way* yang sarat dengan elemen patriotik dan ditayangkan di seluruh dunia yang mana ia menggambarkan tentang perjuangan rakyatnya menentang Jepun,” ujarnya.

Pelakon **Julia Ziegler** turut senada dengan Prof. Hatta yang mana filem-filem kenegaraan sepatutnya sudah lama menembusi pasaran luar negara kerana ia secara tidak langsung

mampu memperkenalkan negara kepada dunia luar.

Kata pelakon filem *Psiko Pencuri Hati* yang akan ditayangkan mulai 5 September ini di pawagam-pawagam seluruh negara, dia berkata begitu berdasarkan pengalamannya sewaktu menuntut di luar negara tujuh tahun lalu.

“Sewaktu saya belajar di Savannah College Art & Design di Georgia, Amerika Syarikat dari 2002 hingga 2005, ramai pelajar dari sana dan juga luar negara yang tidak tahu ataupun pernah dengar langsung tentang Malaysia.

“Ada juga yang kata Malaysia terletak di Afrika dan sebagainya. Saya terpaksa menerangkan tentang kedudukan Malaysia kepada mereka. Salah satu cara untuk memperkenalkan Malaysia adalah melalui filem atau dokumentari.

“Sebabnya, kebanyakan negara mempunyai filem-filem mereka sendiri yang sarat dengan elemen-elemen seni dan budaya masing-masing yang mana ini juga salah satu elemen yang ada dalam filem berunsurkan patriotik,” jelasnya.

Headline	Lagu, filem merdeka bukan trend		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	32,33	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,575
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,725

Selain memperbanyakkan filem-filem berunsur sedemikian, tarikh tayangan serta promosinya harus diperhebatkan agar khalayak sentiasa peka dan ternanti-nantikan tayangan filem mahu pementasan sesebuah teater itu.

Aktivis teater, **Khir Rahman** menyarankan agar pementasan teater yang bertemakan Hari Kemerdekaan seharusnya juga diperbanyakkan kerana genre itu mempunyai daya penghayatan yang tinggi sewaktu pementasannya.

Malah, dia yang juga seorang pelakon dan pengarah filem berkata, pementasan teater bukan hanya dipentaskan pada sambutan Hari Kebangsaan sahaja tetapi ia sepatutnya bermula lebih awal iaitu sebulan sebelum tibanya hari tersebut.

“Bagi saya, sepatutnya tayangan filem atau pementasan teater tentang merdeka harus dimulakan lebih awal iaitu pada setiap hari sebulan sebelum sambutan kemerdekaan supaya semangat patriotik itu bermula lebih awal.

“Sementara tayangan atau pementasan kemuncaknya pula diadakan pada malam Hari Kemerdekaan itu dengan sambutan yang lebih besar bagi menggambarkan kemeriahan yang berganda untuk perayaan itu.

“Pendekatan itu boleh menjadikan orang ramai lebih peka, selain jalan cerita

yang menarik dan mereka tidak hanya perasan akan tibanya Hari Kemerdekaan pada masa jatuhnya tarikh tersebut sahaja,” tuturnya lagi penuh makna.

Selain tayangan lebih awal filem dan pementasan teater, pelawak veteran, **Tawil** pula berpendapat tayangan filem sahaja tidak memadai, sebaliknya inisiatif lain harus dilakukan bagi menarik perhatian para peminat.

Kata pelakon filem *Prebet Lapok* ini, antaranya ialah dengan cara menayangkan filem-filem berunsur patriotik lama di pawagam yang mana pada masa sama para pelakonnya juga harus turut serta bagi memeriahkan lagi tayangan itu.

“Saya cadangkan supaya filem seperti *Prebet Lapok* yang mengisahkan tentang perjuangan anggota tentera menentang komunis ditayangkan semula seperti di pawagam Coliseum, Kuala Lumpur sewaktu Hari Kemerdekaan.

“Ini kerana, ramai penonton generasi

muda yang tidak pernah menonton filem yang ditayangkan pada 1979 itu. Pada masa sama para pelakonnya bolehlah dijemput bagi berkongsi pengalaman mereka berlakon dalam filem itu.

“Itu salah satu cara bukan sahaja bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan tetapi juga mempopularkan filem patriotik lama yang semakin dilupakan di saat kurang filem patriotik yang baru sekarang ini,” katanya.

Bukan setakat jalan cerita yang masih relevan dipertontonkan kepada umum, filem *Prebet Lapok* yang dilakonkannya bersama A.R. Badul itu juga menyelitkan lagu-lagu patriotik yang sesuai dihayati pada sepanjang masa.

Antaranya lagu berjudul *Mari Bersedia* yang dinyanyikannya bersama-sama Badul itu sarat dengan semangat kenegaraan khususnya buat angkatan tentera yang sedang bertugas di perbatasan agar sentiasa bersiap siaga.

“Lagu *Mari Bersedia* itu lagu patriotik tetapi malangnya ia jarang disiarkan di radio ketika tibanya Hari Kemerdekaan. Sedangkan kita hanya bergantung kepada lagu *Tanggal 31* nyanyian Sudirman sahaja,” keluhnya lagi.

Sementara itu, penyanyi yang juga pakar motivasi, **Datuk Fazley Yaakob** pula berkata, ketandusan lagu-lagu patriotik terutama yang berkaitan Hari Kebangsaan sejak akhir-akhir ini kurangnya pertandingan untuk lagu-lagu sedemikian.

Justeru, dia yang popular menerusi lagu *Asmara* Ini berkata, pihak-pihak yang berkenaan seharusnya menghidupkan semula pertandingan nyanyian lagu-lagu patriotik bagi melahirkan lebih banyak lagu-lagu sedemikian.

“Sepuluh tahun dulu semasa mula-mula menjadi penyanyi saya telah memasuki pertandingan nyanyian lagu-lagu patriotik anjuran RTM. Tetapi sekarang ini sudah tiada lagi pertandingan seperti itu diadakan termasuklah stesen swasta.

“Saya masih ingat lagi ketika itu saya menyanyikan sebuah lagu bertajuk *Bunga Kemerdekaan* dan tersenarai dalam Top 10 peserta pertandingan itu yang disertai oleh barisan penyanyi baru dan juga lagu-lagu patriotik yang juga baru,” ungkapnya.

Sehubungan itu, semua pihak harus bergabung tenaga dalam mempopularkan lagu-lagu dan filem-filem patriotik atau tentang Hari Kemerdekaan yang skopnya amat luas untuk diterokai serta dikomersialkan pada masa depan.

Headline	Lagu, filem merdeka bukan trend		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	32,33	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,575
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,725



Pengertian merdeka bagi artis

→ MERDEKA pada saya membawa pengertian yang sangat bermakna bukan kerana ia membawa kepada sejarah negara.

Malah, pengertian merdeka itu sebenarnya bukan sahaja bebas daripada dijajah, tetapi kita sendiri mesti tahu kita merdeka untuk apa?

Sama seperti di Malaysia ini, kita sudah 56 tahun mengecapi kemerdekaan, tetapi adakah minda kita sudah merdeka dalam erti kata sebenarnya? Sebab itu saya kata, pengertian merdeka ada dua, merdeka untuk negara dan untuk apa kita merdeka?



JEHAN MISKIN
Pelakon dan pengarah

MERDEKA ini kalau ditanya secara pendiriannya memang membawa makna yang berbeza-beza bagi setiap individu.

Setiap masyarakat perlu menghayati erti kemerdekaan kerana bukan mudah untuk menjadi sebuah negara yang merdeka.

Kalau ditanya pengertian merdeka, bagi negara sudah pastilah merdeka daripada penjajah dan mentadbir negara sendiri.

Tetapi bagi saya pula ialah kebebasan untuk bersuara dan melahirkan pendapat tanpa dihalang daripada orang luar.



NAD ZAINAL
Pelakon dan penggiat teater

Headline	Lagu, filem merdeka bukan trend		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	32,33	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,575
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,725



**PROF. DR. HATTA
AZAD KHAN**



**DR. FAZLEY
YAACOB**

Headline	Lagu, filem merdeka bukan trend		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Aug 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	32,33	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	1294 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 25,575
Frequency	Daily	PR Value	RM 76,725

